



**Rujukan Kami : UMS/PEND2.1/500-2/4/17 Jilid 11 (41)**

**Tarikh : 13 Julai 2022**

***SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN***

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**IKLAN PENGISIAN JAWATAN DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS):**

- 1. TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**
- 2. PENASIHAT UNDANG-UNDANG**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) mempelawa individu yang berkelayakan di organisasi YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan untuk memohon jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Penasihat Undang-Undang di Universiti Malaysia Sabah.

3. Sehubungan dengan itu, bersama ini dilampirkan iklan jawatan berkenaan untuk hebahan kepada staf di Universiti YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan. Tarikh tutup permohonan adalah pada **5 Ogos 2022 (Jumaat)**.

Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan, dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

Saya yang menjalankan amanah,

**LUQMAN RIDHA ANWAR**  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Sabah

s.k      ☞ Pengerusi, Lembaga Pengarah UMS  
          ☞ Naib Canselor UMS



Certified to ISO9001 : 2015  
Cert. No: QMS 01200

**SENARAI EDARAN**

1. **YBhg. Dato' Dr. Hj. Musa bin Ali**  
Pendaftar  
Universiti Sains Malaysia (USM)  
Aras 5, Bangunan Canselori  
11800 PULAU PINANG
2. **Profesor Dr. Yong Zulina Zubairi**  
Menjalankan Fungsi Pendaftar UM  
Pejabat Pendaftar  
Universiti Malaya (UM)  
Lembah Pantai  
50603 KUALA LUMPUR
3. **YBhg. Dato' Dr. Syed Kamarudin Sadakkuthulla**  
Pendaftar  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43650 UKM Bangi SELANGOR
4. **Encik Muhazam Mansor**  
Pendaftar  
Pejabat Pendaftar Bangunan Canselori  
Putra Universiti Putra Malaysia (UPM)  
43400 UPM Serdang SELANGOR
5. **Puan Nor Azizah Ismail**  
Pendaftar  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)  
81310 UTM Johor Bahru JOHOR
6. **Encik Muhamad Nizam Noordin**  
Pendaftar  
Pejabat Pendaftar Aras 3, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam SELANGOR
7. **Puan Fazidah Bakhtiar**  
Pengarah Eksekutif  
Bahagian Pengurusan Perkhidmatan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)  
P.O. Box 10 50728 KUALA LUMPUR
8. **Encik Ahmad Rasidi Abdullah**  
Pendaftar  
Universiti Utara Malaysia (UUM)  
06010 Sintok KEDAH
9. **Encik Azlan Ramli**  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)  
94300 Kota Samarahan SARAWAK
10. **Encik Helmi Zaifura Abdul Rahman**  
Pendaftar  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)  
Jalan Slim 35900 Tanjong Malim PERAK

11. **YBhg. Dato' Muhammad Haizuan Rozali**  
Pendaftar  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
Bandar Baru Nilai 71800 Nilai NEGERI SEMBILAN
12. **Encik Masdzarif Mahat**  
Ketua Pegawai Operasi  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Hang Tuah Jaya 76100 Durian Tunggal  
MELAKA
13. **Encik Abdul Halim Abdul Rahman**  
Pendaftar  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)  
86400 Parit Raja Batu Pahat  
JOHOR DARUL TAKZIM
14. **Encik Zukiferee Ibrahim**  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)  
21030 Kuala Terengganu TERENGGANU
15. **Encik Hazmin Aris**  
Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi  
Universiti Malaysia Pahang (UMP)  
26600 Pekan PAHANG
16. **Encik Mohd Saad Din**  
Pendaftar  
Jabatan Pendaftar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
Aras 1, Bangunan Canselori Kampus Alam UniMAP  
Pauh Putra 02600 Arau PERLIS
17. **Encik Ismail Musa**  
Pendaftar  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu TERENGGANU
18. **Puan Mazula Sabudin**  
Pendaftar  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
Beg Berkunci No. 01 16300 Bachok  
KELANTAN DARUL NAIM
19. **Puan Fazielah Mohamad**  
Pendaftar  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)  
Kem Sungai Besi 57000 KUALA LUMPUR

## **IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) sebuah Universiti Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

### **1.0 BUTIRAN JAWATAN**

- 1.1 Jawatan : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- 1.2 Gred : Gred Utama B (VU6) Terbuka
- 1.3 Tangga Gaji : RM8,315.00 hingga RM 22,445.00
- 1.4 Taraf Lantikan : Tukar Sementara/Pinjaman/Kontrak
- 1.5 Tempoh Lantikan : Tiga (3) tahun (tertakluk kepada keputusan Kementerian Pengajian Tinggi)
- 1.6 Kelayakan : Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD)

### **2.0 KRITERIA PEMILIHAN**

Kriteria pemilihan adalah berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam seperti berikut:

#### **2.1 Kriteria Umum**

- a) **Kecemerlangan Akademik**  
Mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.
- b) **Pengiktirafan Antarabangsa**  
Mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

- c) **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**  
Mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap serta mempunyai pengalaman dan rekod cemerlang dalam pimpinan akademik.
- d) **Reputasi;**  
Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- e) **Personaliti**  
Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- f) **Proaktif**  
Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi.
- g) **Perwatakan**  
Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.
- h) **Pengurusan Konflik**  
Berkeupayaan mengenal pasti konflik dan menguruskannya dengan baik dan berhemah.
- i) **Potensi**  
Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhan.

## 2.2 Kriteria Khusus

- a) **Mempunyai PhD dan kelayakan profesional;**  
Ini kerana penjawat bertanggungjawab menguruskan Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat Guru (Profesor Madya dan ke bawah) dan perlu mempamerkan kewibawaan khususnya kelayakan akademik tertinggi PhD. Kelayakan profesional perlu diberikan merit yang utama memandangkan proses akreditasi adalah salah satu bidang tugas seorang TNC(A&A).

**b) Berpengalaman dalam pembentukan kurikulum (*curriculum design*);**

Ini merupakan tugas hakiki TNC(A&A). Penyanggah bertanggungjawab dalam agenda kritikal Pengajaran dan Pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum yang seimbang dan bersepadu. Penyanggah juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam AUKU dalam rekabentuk kurikulum Universiti.

**c) Pakar Pengajaran dan Pembelajaran;**

TNC(A&A) juga adalah seorang yang wajib dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (*Teaching & Learning*). Penyanggah perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (POPBL), Pembelajaran Sepanjang Hayat (LL), Penaksiran dan *Out come Based Education*.

**d) Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan;**

Penyanggah mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil Penyelidikan dan Penerbitan serta telah dilantik sebagai Profesor. Ini kerana sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilih Guru, penyanggah bertanggungjawab menentukan tanda aras calon Profesor Madya. Oleh itu, penyanggah hendaklah cemerlang dalam penyelidikan, telah menerbitkan artikel dalam jurnal berwasit, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.

**e) Pengalaman sebagai Penyelia yang berjaya;**

Penyanggah juga perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyeliaan pascasiswazah (Sarjana dan PhD) dengan jayanya. Ini kerana TNC(A&A) bertanggungjawab dalam mempengerusikan Jawatankuasa Senat bagi Pengajian Siswazah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik Pengajian Siswazah.

**f) Hal Ehwal Antarabangsa;**

Penyanggah akan ditugaskan untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengalaman dan kebolehlihatan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh penyanggah. Calon harus mempunyai hubungan yang luas dan reputasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

**g) Adaptasi Teknologi;**

Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di zaman digital, membawa UMS ke arah kejayaan di zaman digital.

### 3.0 CARA MEMOHON

3.1 Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:

- a) Surat permohonan rasmi;
- b) Ringkasan *Curriculum Vitae* (CV) yang terkini berserta gambar berukuran pasport seperti di lampiran;
- c) *Key Performance Indicator* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa); dan
- d) Dokumen sokongan yang lain.

3.2 Sebarang pertanyaan sila hubungi:

**Encik Azmi bin Jumat**  
Ketua  
Bahagian Pentadbiran dan Governan  
Jabatan Pendaftar  
Universiti Malaysia Sabah  
No. Tel.: 088-320 000 (No. Samb. 100579)  
E-mel : [governan@ums.edu.my](mailto:governan@ums.edu.my)

3.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**PENDAFTAR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
ARAS 4, BLOK SELATAN, BANGUNAN CANSELORI  
JALAN UMS, 88400  
KOTA KINABALU, SABAH**

3.4 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu bual.

3.5 **Tarikh tutup permohonan ialah pada 5 Ogos 2022 (Jumaat).**

**CURRICULUM VITAE (CV) KEPIMPINAN  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR UNIVERSITI AWAM**

**MAKLUMAT PERIBADI**

Nama :  
Tarikh Lahir / Umur :  
Tempat Lahir :  
No. Kad Pengenalan :  
No. Tel Bimbit :  
E-mel :

Gambar

**MAKLUMAT PERJAWATAN**

Jawatan dan Gred :  
Status (Tetap / Kontrak / Peminjaman) :  
Jabatan / PTJ :  
Tarikh Mula Khidmat :  
Tarikh Bersara Wajib :

**KELAYAKAN AKADEMIK**

Tahap Ijazah	Bidang	Tahun	Institusi

**LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)**

*(bagi tiga (3) tahun terkini sahaja)*

Tahun	Markah

**LAPORAN SCOPUS / GOOGLE SCHOLAR CITATIONS**

*Documents by author* :  
*Citations by documents* :  
*h-index* :



**SEJARAH PERJAWATAN**

Jawatan	Status (Sementara / Tetap / Kontrak / Peminjaman)	Agensi / Jabatan	Tarikh	Tempoh (Durasi Tahun)

**PENGALAMAN JAWATAN PENTADBIRAN**

*(Bagi Jawatan Pentadbiran Utama Universiti – Naib Canselor, Ketua Pegawai Eksekutif, Rektor, Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor, Timbalan Rektor, Pengarah dan Dekan sahaja)*

Jawatan	Universiti / Agensi / Organisasi	Tarikh	Tempoh (Durasi Tahun)	Sumbangan Signifikan (3 Sumbangan Utama Semasa Memegang Jawatan, Jika Berkaitan)

**AFILIASI PROFESIONAL**

Jawatan	Universiti / Agensi / Organisasi	Tarikh	Tempoh (Durasi Tahun)	Sumbangan Signifikan (3 Sumbangan Utama Semasa Memegang Jawatan, Jika Berkaitan)

## **IKLAN JAWATAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) sebuah Universiti Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

### **1.0 BUTIRAN JAWATAN**

- 1.1 Jawatan : Penasihat Undang-Undang
- 1.2 Gred : Gred Utama C (VU7)
- 1.3 Tangga Gaji : RM7,676.00 hingga RM20,592.00
- 1.4 Taraf Lantikan : Tukar Sementara/Pinjaman/Kontrak
- 1.5 Tempoh Lantikan : Tiga (3) tahun (tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti)
- 1.6 Kelayakan : Pegawai dari Kumpulan Pengurusan & Profesional (Akademik dan Pentadbiran) Gred 52 dan ke atas dalam bidang undang-undang.

### **2.0 KRITERIA PEMILIHAN**

Kriteria bagi seorang calon adalah berdasarkan kepada Kaedah Pelantikan Jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang yang diluluskan dalam Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Universiti (LPU) seperti berikut:

#### **2.1 Kriteria Umum**

- a) Pegawai yang berkelayakan dari Kumpulan Pengurusan & Profesional Bukan Akademik serta Akademik (Gred 54 dan ke atas) dalam bidang Undang-Undang dan mempunyai rekod cemerlang.
- b) Memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Undang-Undang yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- b) Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kepujian Bahasa Malaysia (termasuk ujian lisan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 2.2 Kriteria Khusus

### a) **Kecemerlangan Akademik**

Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Kedoktoran (PhD) adalah satu kelebihan. Mendapat "*command of respect*" dari kalangan rakan sejawat. Mempunyai rekod cemerlang dalam bidang akademik dan khidmat profesional.

### b) **Pakar Dalam Aspek Undang-Undang**

i. **Berkemampuan** dalam memberikan nasihat yang betul, tepat dan signifikan secara bertulis atau lisan kepada pihak Pengurusan Universiti dan jabatan-jabatan mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan undang-undang, melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang, yang dari semasa ke semasa dirujuk atau ditugaskan kepadanya dan menunaikan fungsi yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

ii. **Berkepakaran** dalam menggubal/meminda undang-undang utama dan subsidiari termasuk peraturan-peraturan yang sedang dan akan diguna pakai oleh pihak Universiti.

iii. **Cekap** dalam memastikan dan menyemak segala dokumen perjanjian dan dokumen yang ada kesan di sisi undang-undang untuk ditandatangani oleh pihak Universiti.

iv. Menjadi perantara yang **bijaksana** bagi pihak Universiti dalam kes-kes sivil atau kes-kes lain yang di bawah bidang kuasa dan kawalan Penasihat Undang-undang dan memfailkan tindakan bagi pihak Universiti sebagai yang menuntut; dan sebagai perantara yang bijaksana bagi pihak Universiti dalam kes-kes sivil atau kes-kes lain yang di bawah bidang kuasa dan kawalan Penasihat Undang-undang dan tindakan di mahkamah apabila pihak Universiti dituntut.

### c) **Kebolehan Memimpin & Mengurus**

Berpengalaman dalam kepimpinan seperti telah memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan di mana-mana Universiti Awam atau Swasta, badan-badan kerajaan, syarikat-syarikat multinasional, *Government Link Company* (GLC) atau mana-mana syarikat yang terkemuka dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Mempunyai *people skill* yang boleh menerajui transformasi. Mempunyai gagasan, visi dan misi selaras *core business* Universiti serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kerja cemerlang.

- d) **Pemikiran Strategik**  
Berkebolehan mengenal pasti, menjangka dan menganalisis isu dan masalah yang berkaitan dengan perundangan serta boleh mengatur strategi penyelesaian yang berkesan. Berkebolehan melihat situasi dari pelbagai dimensi serta berkeupayaan mengambil tindakan dan membuat keputusan mengikut keutamaan, berpandangan jauh dan melihat isu dari perspektif yang luas dan menyeluruh.
- e) **Kepimpinan Berteraskan Nilai & Etika**  
Memiliki dan mempraktikkan nilai dan etika yang tinggi dalam setiap tindakan serta menggalakkan prinsip ketelusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan. Menegakkan prinsip-prinsip kepimpinan yang baik termasuk bersikap anti rasuah, berdisiplin tinggi dan sentiasa mempamerkan komitmen yang tinggi. Membina dan mengekalkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat serta bebas daripada gangguan diskriminasi.
- f) **Adaptasi Teknologi**  
Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang perundangan dan cadangan dalam bidang perundangan di zaman digital, membawa UMS ke arah kejayaan di zaman digital.

### 3.0 CARA MEMOHON

- 3.1 Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:
  - a) *Curriculum Vitae* (CV) yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran pasport; dan
  - b) *Key Performance Indicator* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik.
- 3.2 Sebarang pertanyaan sila hubungi:

**Encik Azmi bin Jumat**  
Ketua  
Bahagian Pentadbiran dan Governan  
Jabatan Pendaftar  
Universiti Malaysia Sabah  
No. Tel.: 088-320 000 (No. Samb. 100579)  
E-mel : [governan@ums.edu.my](mailto:governan@ums.edu.my)

3.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**PENDAFTAR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
ARAS 4, BLOK SELATAN, BANGUNAN CANSELORI  
JALAN UMS, 88400  
KOTA KINABALU, SABAH**

3.4 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.

3.5 **Tarikh tutup permohonan ialah pada 5 Ogos 2022 (Jumaat).**